



MAJLIS PERBANDARAN TAIPEING

DITERBITKAN  
SEJAK  
2002

# BERITA

GERBANG INOVASI | KUALITI | PRODUKTIVITI



SUKU TAHUN (2/2024)



MPT TERUS MELAKAR KEJAYAAN DENGAN MENERIMA ANUGERAH STANDARD PELANCONGAN ASEAN PERINGKAT KEBANGSAAN 'ASEAN CLEAN TOURIST CITY STANDARD (2024-2026)'



29 April 2024 - Majlis Perbandaran Taiping (MPT) telah berjaya meraih Anugerah Standard Pelancongan Asean Peringkat Kebangsaan 'Asean Clean City Standard (2024-2026)'.

MINISTRY OF TOURISM,

Yang Dipertua MPT, Tuan Khairul Amir bin Mohamad Zubir telah hadir bersama Ketua Bahagian Korporat, Perhubungan Awam dan Pelancongan, Encik Kamarudin bin Mat Arasdi bagi menerima anugerah tersebut pada 29 April 2024 bertempat di Cyberview Resort & Spa, Cyberjaya yang telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Roslan Tan Sri Abdul Rahman, Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia.

Lawatan panel dari Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) pada 2 Ogos 2023 telah menilai tujuh (7) kriteria dan MPT telah berjaya mematuhi kesemua kriteria yang telah dinilai iaitu:

- ♦ Pengurusan Alam Sekitar
- ♦ Kebersihan
- ♦ Pengurusan Sisa
- ♦ Kesedaran tentang Perlindungan Alam Sekitar dan Petunjuk Garis Kebersihan
- ♦ Ruang hijau
- ♦ Keselamatan Kesihatan & Keselamatan dan Keselamatan Bandar
- ♦ Infrastruktur dan Kemudahan Pelancongan

Ini merupakan kali kedua MPT menyertai Anugerah Standard Pelancongan Asean. Penyertaan kali pertama adalah pada tahun 2018 di mana MPT telah menerima sijil pematuhan Asean Clean City Tourist Standard (2018-2020).

Pengiktirafan ini merupakan salah satu lagi kejayaan yang diterima oleh MPT menerusi sektor pelancongan selepas meraih pelbagai anugerah diperingkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa. Pengiktirafan ini juga tepat pada masanya sempena Ulang Tahun ke-150 Bandar Taiping dan Tahun Melawat Perak 2024.



## HARI BERTEMU PELANGGAN (HBP) BIL 4/2024 MAJLIS PERBANDARAN TAIPING

19 April 2024-

Salurkan aduan secara bersemuka kepada Ketua-ketua Jabatan, Majlis Perbandaran Taiping (MPT) melalui Hari Bertemu Pelanggan (HBP) Bil. 4/2024 seperti ketetapan berikut:

19 April 2024 (Jumaat)

9.00 pagi hingga 11.00 pagi

Bilik Mesyuarat Dahlia, Tingkat 3,  
Wisma Perbandaran Taiping

- Masalah kutipan sampah !
- Longkang tersumbat !
- Rumput tidak dipotong !
- Jalan berlubang !



## WARGA KERJA MPT IKRAR BEBAS RASUAH

30 April 2024 - Majlis Menandatangani Ikrar Bebas Rasuah (IBR) diadakan bagi memberi penekanan kepada ikrar dan janji yang merupakan kesedaran dibuat oleh pimpinan organisasi dan warganya secara sukarela atas kapasiti individu untuk memastikan setiap individu yang menandatangani ikrar lebih bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas dan menjauhkan diri daripada sebarang perlakuan rasuah sepanjang mereka memegang jawatan tersebut.

### MENANDATANGANI

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Taiping (MPT), YBrs. Tuan Khairul Amir Mohamad Zubir berkata demikian ketika menghadiri Perhimpunan Korporat dan Majlis Menandatangani Ikrar Bebas Rasuah (IBR) di Dewan Perbandaran Taiping.

### MAJLIS PERBANDARAN TAIPING

"Maka di sinilah kaitan antara integriti dan kita semua yang melaksanakan amanah dan kuasa yang dipertanggungjawabkan demi kepentingan awam. Walau apa jua bidang yang diceburi, tugas yang digalas perlu dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab, jujur, cekap dan berintegriti" jelasnya ketika berucap di majlis berkenaan.

Seramai 526 warga kerja Majlis Perbandaran Taiping (MPT) serta 24 Ahli Majlis telah hadir mengangkat IBR yang diketuai oleh Yang Dipertua MPT, diiringi oleh Pengarah SPRM Negeri Perak, Ybros. Tuan Timbalan Pesuruhjaya Ahmad Sabri Mohamed dan Setiausaha Perbandaran MPT, Tuan Haji Khairul Anwar Hashim.



Majlis IBR adalah merupakan kali keenam diadakan di MPT. Kali pertama diadakan pada 15 Ogos 2017, kedua pada 28 September 2018, ketiga pada 1 Julai 2020, keempat pada 21 Jun 2022 dan kelima pada 3 Ogos 2023 dengan penglibatan Ahli-ahli Majlis, Ketua-Ketua Jabatan dan Ketua-ketua Bahagian serta warga kerja MPT.

## MAJLIS RAMAH MESRA DAN PENGHARGAAN SEMPENA ANUGERAH TEMPAT KETIGA PERTANDINGAN MEDAN SELERA BERSIH PERINGKAT KEMENTERIAN PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN (KPKT)

7 Mei 2024 - Sekitar Majlis Ramah Mesra dan Penghargaan Sempena Anugerah Tempat Ketiga Pertandingan Medan Selera Bersih Peringkat Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang telah berlangsung di Medan Selera FMS Station disambut meriah dengan kehadiran Tuan Khairul Amir bin Mohamad Zubir, Yang Dipertua MPT, Ahli-ahli Majlis, Ketua-Ketua Jabatan MPT serta peniaga-peniaga Medan Selera FMS Station.

Yang Dipertua MPT turut menyampaikan sijil dan plak penghargaan Anugerah Tempat Ketiga Medan Selera Bersih Kategori A (Medan Selera FMS Station) kepada Encik Helmi selaku Pengurus Medan Selera FMS Station. Tahniah diucapkan kepada pengurusan Medan Selera FMS Station di usaha dalam menjaga kebersihan sehingga meraih anugerah dan semoga usaha seperti ini dapat terus dikekalkan.



# LAWATAN SISTEM PENARAFAN BINTANG PIHAK BERKUASA TEMPATAN (SPB-PBT)

23 April 2024 - Majlis Perbandaran Taiping (MPT) menerima kunjungan daripada Panel Penilaian Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkua Tempatan (SPB-PBT) yang diketuai oleh Encik Marthandan A/L Yathamaniam, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pemantauan Pelaksanaan Dasar Jabatan Kerajaan Tempatan bertempat di Dewan Teratai, Penthouse, Wisma Perbandaran Taiping pada hari ini.

Antara perkara-perkara yang dinilai ialah Penglibatan Komuniti, Pengurusan Aduan, Pandangan Penduduk, Pengurusan Pelangan, Pengurusan Organisasi, Pengurusan kewangan & Aset, Pengurusan Sumber Manusia, Undang-undang dan Penguatkuasaan, Perancangan dan Pengurusan Landskap, Aktiviti Kawalan Kesihatan dan lain-lain. Selesai penilaian dokumentasi, panel penilai di bawa lawatan ke Night Safari, Taiping.

Pada tahun 2022, MPT berjaya mendapat pengiktirafan 5 bintang dalam SPB-PBT.



## MPT SERTAI SIDANG MESYUARAT 42ND TOURISM PROMOTION ORGANIZATION (TPO) EXECUTIVE COMMITTEE MEETING @ BUSAN, KOREA.



22 Mei 2024 - YBrs Tuan Khairul Amir bin Mohamad Zubir, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Taiping (MPT) bersama Encik Kamarudin bin Mat Arsal, Ketua Bahagian Korporat, Perhubungan Awam & Pelancongan telah menyertai sidang mesyuarat 42nd Tourism Promotion Organization (TPO) Executive Committee Meeting bertempat di Shilla Stay Haeundae, Busan, Korea.

Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Mr. Kim Dong Hun, Presiden Bandar Busan Metropolitan menghimpunkan ahli komuniti TPO dari beberapa bandar seperti:

- Busan, Jeonju (Korea)
- Guangzhou (China)
- Ipoh, Taiping (Malaysia)

Antara agenda yang diberi fokus adalah berkaitan, pengurusan kewangan, aktiviti-aktiviti TPO yang akan berlangsung sepanjang tahun 2024 dan hal-hal lain yang berkaitan dengan TPO. Penglibatan MPT dalam TPO bermula tahun 2014 adalah salah satu usaha mempromosikan Bandar Taiping di peringkat antarabangsa.



## MAJLIS PERASMIAN PROGRAM JOM! MELAWAT KE ZOO TAIPING

31 Mei 2024 - Pengerusi Jawatankuasa Sains, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau Negeri Perak merangkap ADUN Aulong, Yang Berhormat Tuan Teh Kok Lim merasmikan Program Jom! Melawat ke Zoo Taiping bertempat di Pavilion Zoo Taiping & Night Safari.

Program Jom! Melawat Ke Zoo Taiping adalah satu inisiatif untuk menggalakkan masyarakat, khususnya murid sekolah rendah dan menengah mengunjungi zoo dan menikmati keindahan flora dan fauna yang terdapat di sini melalui Paket Pendidikan Zoo Taiping & Night Safari. Selain daripada memberikan pengalaman yang menyeronokkan, lawatan paket pendidikan ini juga dapat mendidik murid tentang kepentingan menjaga alam sekitar dan memelihara hidupan liar.

Program bermula 30 Mei 2024 hingga 2 Jun 2024 melibatkan seramai 560 pelajar mewakili 18 buah sekolah rendah dan 10 buah sekolah menengah dari kawasan Parlimen Taiping yang melanggar Paket Pendidikan Zoo Taiping & Night Safari dibawah peruntukan Pusat Khidmat Parlimen Taiping. Pelbagai aktiviti disediakan seperti Sesi Demostrasi Memberi Haiwan Makan (Animal Feeding), Aktiviti Pendidikan, Cenderahati, Makan Tengah Hari dan Kek Hari Lahir.

Hadir bersama Yang Dipertua Majlis Perbandaran Taiping, YBrs. Tuan Khairul Amir Mohamad Zubir, Ketua Whip Ahli Majlis, Clr. Kuang Kok Hoo, Pengarah Zoo Taiping & Night Safari, Dr. Muhamad Ridhwan Bin Affendi, Timbalan Pegawai Pendidikan (Pembangunan Murid) Daerah Larut Matang dan Selama, Encik Mohammad Shafiq bin Mohamad Amin.



## KARNIVAL INTEGRASI TAIPING 2024

3 Jun 2024 - Yang Dipertua Majlis Perbandaran Taiping, YBrs. Tuan Khairul Amir Mohamad Zubir merasmikan Karnival Integrasi Taiping 2024 di Padang Awam Kamunting dan Dewan MPT Kamunting. Majlis Perbandaran Taiping (MPT) menganjurkan Program Kemampanan Komuniti Bandar (PKKB) : Karnival Integrasi Taiping 2024 sebagai salah satu inisiatif daripada pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dalam usaha untuk menyemarakkan semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat setempat yang terdiri daripada pelbagai kaum.

Dalam ucapan Yang Dipertua, mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan kerana menyalurkan peruntukan dan menyokong usaha MPT dalam penganjuran Karnival Integrasi Taiping 2024. Dengan usaha sama Jabatan dan Agensi Kerajaan dan swasta, dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang berkerjasama dan memberikan komitmen.

Antara aktiviti yang disedialan ialah;

- > Senam Sihat/ Zumba
- > Permainan Supa Dupa
- > Pertandingan Mewarna
- > Pertandingan Melukis
- > Pertandingan Peragaan Busana Tradisional
- > Pertandingan Tarik Tali
- > Pertandingan Tarik Upah Pinang
- > Pertandingan Boling Kelapa
- > Jamuan Makan Perdana
- > Jualan daripada Agensi Kerajaan dan Swasta.



Diterbitkan oleh : Bahagian Kualiti  
Editor : Tuan Haji Norazlani b.Hamadudin  
Urusetia : Cik Nazurah bt.Mohsim Arshad  
Cik Puteri Fazira Syawati  
Pautan : <http://www.mptaiping.gov.my>